

UNIVERSITI SAINS MALAYSIA

Peperiksaan Semester Kedua  
Sidang Akademik 1996/97

April 1997

AAW315/AKU402 - PERCUKAIAN I/PERCUKAIAN

Masa: [3 jam]

---

**ARAHAN**

Sila pastikan bahawa kertas peperiksaan ini mengandungi **DUA BELAS (12)** muka surat yang bercetak sebelum anda memulakan peperiksaan.

Jawab **SEMUA** soalan.

1. Perusahaan Plastik Bhd. ditubuhkan pada 1 April 1996. Kunci kira-kira dan penyata untung rugi adalah seperti berikut:

Perusahaan Plastik Bhd.  
Kunci kira-kira pada 31 Mac 1997

		RM
Modal saham		8,000,000
Untung terkumpul		3,412,040
		<hr/>
		11,412,040
		=====
Diwakili oleh:		
Aset tetap		4,784,000
Pelaburan		1,449,600
		<hr/>
		6,233,600
 Aset semasa:		
Stok	1,564,400	
Penghutang niaga	2,312,800	
Cagaran dan pinjaman	52,000	
Penyelidikan & Pembangunan	200,000	
Tunai dan baki bank	2,059,200	
	<hr/>	
	6,188,400	
	<hr/>	

...2/-

Tolak:		
Liabiliti semasa	269,960	
Kreditor niaga & akru	740,000	
	<hr/>	
	1,009,960	
	<hr/>	
Aset semasa bersih		5,178,440
		<hr/>
		11,412,040
		=====

Penyata Untung-Rugi  
bagi tahun berakhir 31 Mac 1997

		RM
Jualan		18,804,000
Tolak:		
Stok permulaan	1,004,000	
Belian	11,085,200	
Buruh dan overhed	2,280,800	
Stok akhir	(1,564,400)	
	<hr/>	
		12,805,600
		<hr/>
		5,998,400
Campur:		
Pendapatan lain		462,400
		<hr/>
		6,460,800
Tolak:		
Elektrik dan air	164,360	
Telefon	10,600	
Percetakan dan alatulis	47,400	
Bayaran lesen	80,000	
Kerugian di atas penukaran lori	70,400	
Pembaikan & penyelenggaraan	253,600	
Perjalanan dan pengangkutan	288,000	
Gaji dan upah	687,200	
Keraian	300,000	
Penyelidikan dan pembangunan	300,000	

...3/-

Bayaran guaman	24,000	
Derma	32,000	
Susutnilai	1,960,000	
Belanja pelbagai	220,000	
Bayaran sewa	128,000	
	<hr/>	3,801,160
Untung bersih		<hr/>
		2,659,640
		=====

Nota:

(a) Stok: Perusahaan Plastik Bhd. menilai stoknya pada nilai boleh realis bersih (net realisable value) selepas ditolak 2% rizab stok.

(b) Lain-lain pendapatan meliputi berikut:

(i) Dividen	
- perintis	214,400
- bukan perintis (bersih)	104,000
(ii) Gantirugi insuran bagi kehilangan untung	144,000
	<hr/>
	462,400
	=====

(c) Bayaran lesen: Pada tahun asas, Perusahaan Plastik Bhd. bayar RM80,000 kepada sebuah syarikat di Jepun bagi kerjasama teknikal. Peruntukan cukai pegangan S109 tidak dipatuhi.

(d) Perjalanan dan pengangkutan meliputi belanja perjalanan pengarah sebanyak RM60,000 sebagai manfaat perkhidmatan.

(e) Gaji dan upah: Pada tahun asas syarikat mengupah tiga orang kekurangan keupayaan dengan jumlah gaji RM36,000.

(f) Keraian:

- (i) RM200,000 dibelanjakan untuk memberi sampel promosi dan cenderamata di Pesta Perniagaan di luar negeri.
- (ii) RM40,000 untuk bil yang dibayar dahulu oleh pegawai pemasaran.
- (iii) RM60,000 dibelanjakan untuk meraikan pelanggan.

AAW315/AKU402

(g) Penyelidikan dan pembangunan meliputi:

	RM
Belanja penyelidikan dilaksanakan melalui USM	200,000
Belanja penyelidikan dan pembangunan yang dikendalikan oleh syarikat bagi suatu projek yang diluluskan oleh Kementerian Kewangan	100,000
	<u>300,000</u>
	=====

(h) Bayaran guaman: RM16,000 dibelanjakan untuk membela tindakan guaman seorang pelanggan mengenai kerosakan barang keluaran plastik syarikat.

Belanja guaman sebanyak RM8,000 digunakan untuk menuntut semula pinjaman:

(i) Derma:

	RM
(i) Derma kepada Perpustakaan USM	14,000
(ii) Sumbangan kepada Persatuan Pengilang Plastik Malaysia	8,000
(iii) Derma kepada badan yang diluluskan	10,000
	<u>32,000</u>
	=====

(j) Bayaran premium: Belanja pelbagai meliputi bayaran premium sebanyak RM40,200 kepada Malaysia Export Credit Insurance Bhd.

(k) Lekapan pejabat: RM60,000 dibelanjakan bagi sekatan mudah alih dan telah direkodkan dalam bayaran sewa.

...5/-

(l) Aset tetap:

	<u>Kos</u>	<u>Susutnilai</u>	<u>Nilai buku</u>
	RM	<u>terkumpul</u>	<u>bersih</u>
		RM	RM
(i) Perabot dan lekapan	1,160,000	232,000	928,000
(ii) Jentera & mesin	4,400,000	880,000	3,520,000
(iii) Kenderaan	420,000	84,000	336,000
			<u>4,784,000</u>
			=====

Kenderaan meliputi sebuah kereta dan tiga buah van. Kos kereta ialah RM150,000 dan kos van ialah RM90,000 setiap satu.

Pada tahun asas, sebuah lori yang dibeli pada Julai 1996 dengan harga RM120,000 telah terlibat dalam satu kemalangan jalanraya dan nilainya telah dihapuskan. Syarikat mendapat RM50,000 daripada syarikat insuran sebagai gantirugi dan membeli sebuah lori baru dengan harga RM150,000 pada April 1997.

Kadar elaun tahunan adalah seperti berikut:

Perabot dan lekapan	8%
Jenteran dan mesin	10%
Kereta	16%
Kenderaan selain kereta	20%

- (m) Dividen: Perusahaan Plastik Bhd. membayar dividen kasar sebanyak RM100,000 pada 28 Februari 1997.

Dikehendaki:

- (i) Kirakan cukai yang perlu dibayar oleh Perusahaan Plastik Bhd. bagi tahun taksiran 1998.
- (ii) Kirakan caj S108 yang akan dikenakan sekiranya ada.

[30 markah]

...6/-

2. Ali dan Chong ialah rakan kongsi sebuah firma perniagaan di Prai. Akaun-akaunnya bagi tahun asas 1996 adalah seperti berikut:

Akaun untung rugi bagi tahun berakhir 31 Dis. 1996

		RM
Jualan		2,407,500
Tolak:		
Stok mula	187,500	
Belian	1,261,200	
Stok akhir	(168,000)	
		1,280,700
Untung kasar		1,126,800
Belanja:		
Sewa	60,000	
Percetakan dan alatulis (a)	5,625	
Keraian (b)	7,000	
Pembaikan (c)	13,500	
Air, elektrik & telefon	18,615	
Gaji dan upah (untuk pekerja)	293,760	
Belanja guaman (d)	4,800	
Susutnilai	8,690	
		411,990
		714,810
		=====

Akaun Perasingan untung rugi

		RM
Untung bersih		714,810
Gaji rakankongsi:		
Ali	108,000	
Chong	72,000	
Pembahagian untung		
Ali	267,405	
Chong	267,405	
		714,810
		=====

Nota:

- (a) Percetakan dan alatulis: Ini termasuk RM150 untuk mencetak kad jemputan harijadi Encik Chong.
- (b) Keraian:
- |   |                                  |         |
|---|----------------------------------|---------|
| - | Jamuan hari raya bagi kakitangan | RM2,400 |
| - | Belanja keraian bagi pelanggan   | RM4,600 |
|   |                                  | <hr/>   |
|   |                                  | RM7,000 |
|   |                                  | =====   |
- (c) Pembaikan:
- |   |                                     |          |
|---|-------------------------------------|----------|
| - | Mencuci dan mengecat semula pejabat | RM 6,500 |
| - | Menukar tingkap di pejabat          | RM 7,000 |
|   |                                     | <hr/>    |
|   |                                     | RM13,500 |
|   |                                     | =====    |
- (d) Belanja guaman: Ini berkaitan dengan penubuhan sebuah syarikat berhad yang didaftarkan.

Maklumat tambahan

Firma rakan kongsi Ali dan Chong ditubuhkan pada 1 Januari 1996 dan aset tetap berikut telah dibeli:

	RM	
-	Lengkapan	14,700
-	Perabot	9,200
-	Mesin tunai	3,600
-	Mesin pendua	5,400
-	Kereta lama	54,000

Kadar elaun modal tahunan ialah:

Lengkapan dan perabot	8%
Peralatan pejabat	12%
Kereta	16%

...8/-

Dikehendaki:

Kirakan pendapatan berkanun Encik Ali dan Encik Chong dari perniagaan perkongsian tersebut.

[15 markah]

3. (a) Tanjung Bhd. membeli sebuah jentera dengan kos RM1,000,000 dari Jepun dan menggunakannya dalam perniagaannya. Lain-lain belanja yang berkaitan dengan penyiapan jentera tersebut ialah:
- (i) Kerugian di atas penukaran mata wang asing (Jepun) sebanyak RM12,000.
  - (ii) Kos menyiapkan dan meratakan tanah bagi pemasangan jentera tersebut ialah RM20,000.

Dikehendaki:

Kirakan perbelanjaan yang layak menurut Jadual 3 Akta Cukai Pendapatan 1967.

- (b) Bagan Bhd. memulakan perniagaan pekilangan pada 1 Januari 1992 dan akaunnya ditutup pada 31 Mei setiap tahun. Maklumat mengenai perbelanjaan membina sebuah kilang untuk digunakan di dalam perniagaan adalah seperti berikut:

		RM
15 Jun 1992	Kos tanah	480,000
21 Julai 1992	Kos pembinaan	240,000
5 Ogos 1992	Bayaran akitek	11,250
20 Ogos 1992	Bayaran guaman berkaitan tanah	14,175
6 April 1993	Kos pembinaan	300,000
17 Mac 1994	Kos pembinaan	187,500
31 Mac 1994	Bayaran akitek	7,125
10 Mei 1994	Bayaran guaman berkaitan bangunan	6,000
	Jumlah perbelanjaan	<u>1,246,050</u>
		=====

...9/-



AAW315/AKU402

Malangnya Bagan Bhd. mengalami kerugian. Pada 1 Jun 1996 Bagan Bhd. menjual bangunan kilangnya kepada Pantai Bhd. dengan harga RM1,650,000 (termasuk harga tanah RM675,000). Tarikh penutupan akaun Pantai Bhd. ialah 30 September.

Pantai Bhd. menggunakan bangunan tersebut sebagai pusat pameran jualan barangannya sehingga Ogos 1996 sebelum menggunakannya sebagai bangunan perindustrian pada awal September 1996.

Dikehendaki:

Kirakan Elaun Bangunan Perindustrian untuk Bagan Bhd. dan Pantai Bhd. bagi semua tahun taksiran sehingga tahun taksiran 1997.

[15 markah]

4. (a) Intan Bhd. mula perniagaan pada 1 Oktober 1995 dan menyediakan akaunnya hingga 30 September setiap tahun. Pendapatan dilaraskan adalah seperti berikut:

1.10.1995 - 30.9.1996	RM108,000
1.10.1996 - 31.9.1997	RM432,000

Dikehendaki:

- (i) Kirakan pendapatan dilaraskan bagi Intan Bhd. untuk semua tahun taksiran sehingga tahun taksiran 1998.
- (ii) Kirakan pendapatan dilaraskan bagi Intan Bhd. untuk semua tahun taksiran sehingga tahun taksiran 1998 jika Intan Bhd. menutup akaunnya pada 30 September selaras dengan tahun kewangan syarikat induknya.
- (b) Angsana Bhd. menyiapkan akaunnya sehingga 30 Jun setiap tahun. Angsana Bhd. menukar tarikh perakaunannya ke 31 Mac kerana sebab-sebab tertentu. Pendapatan dilaraskan bagi Angsana Bhd. untuk tahun-tahun yang lepas adalah seperti berikut:

<u>Tempoh perakaunan</u>	<u>Pendapatan dilaraskan</u>
1.7.1994 - 30.6.1995	RM243,396
1.7.1995 - 31.3.1996	39,600
1.4.1996 - 31.3.1997	76,200

AAW315/AKU402

Dikehendaki:

Kirakan pendapatan dilaraskan bagi Angsana Bhd. untuk semua tahun taksiran sehingga tahun taksiran 1998.

[10 markah]

5. Halaman Berhad memiliki hartanah berikut yang telah dijual pada awal 1997:

	<u>Kedai</u>	<u>Ladang getah</u>	<u>Pejabat di London</u>
Tarikh pembelian	6.9.1994	1.7.1969	9.11.1993
Harga pembelian	RM700,000	RM300,000	RM400,000
Komisyen pembelian	RM 7,000	RM 1,500	RM 6,000
Nilai pada 31.12.69	RM200,000	RM 80,000	RM100,000
Pampasan insuran diterima	RM 20,000 (pada 1996)	RM 6,000 (pada 1991)	
Perbelanjaan untuk memper- tahankah hak milik tanah	RM 3,000 (pada 1995)	RM 2,800 (pada 1974)	RM 5,000 (pada 1994)
Harga jualan	RM980,000 (pada 27.2.97)	RM3,000,000 (pada 12.2.97)	RM580,000 (pada 9.1.97)
Kos sampingan pelupusan	RM 12,000	RM 35,000	RM 10,000

Dikehendaki:

Kirakan cukai keuntungan jualan hartanah yang perlu dibayar oleh Halaman Bhd.

[15 markah]

6. (a) Nyatakan tiga keadaan di mana potongan dua kali ganda seperti yang diperuntukkan di bawah Akta Cukai Pendapatan 1967.
- (b) Terangkan sama ada sipenerima pendapatan berikut dikenakan cukai pendapatan:
- (i) Anugerah tunai kepada penulis dan artis.
  - (ii) Bayaran tunai untuk menggantikan cuti.
  - (iii) Pendapatan royalti yang dihasilkan dari penerbitan karya kesasteraan.

- (c) Protiga Bhd. mempunyai kontrak menjual kereta dengan Salon Motors Bhd. Selepas 2 tahun Salon Motors Bhd. membatalkan kontrak tersebut dan membayar RM2,000,000 kepada Protiga Bhd. sebagai gantirugi. Jumlah ini adalah merupakan 60% dari untung yang diramalkan akan diterima oleh Protiga Bhd. bagi tahun ketiga kontrak tersebut.

Terangkan sama ada gantirugi RM2,000,000 yang diterima oleh Protiga Bhd. perlu dikenakan cukai pendapatan.

- (d) Encik Haris ialah seorang pengarah sebuah syarikat yang disenaraikan di Bursa Saham Kuala Lumpur dan memegang 1,000,000 saham pada RM1/- setiap satu. Beliau bersara pada Februari 1997 dan memindahkan sahamnya kepada pengarah lain dengan harga RM2,500,000.

Terangkan sama ada RM2,500,000 tersebut yang diterima oleh Encik Haris perlu dikenakan cukai pendapatan.

- (e) Terangkan 3 pengecualian cukai keuntungan jualan hartanah.

[15 markah]

Cukai pendapatan Individu yang kena dibayar di bawah struktur cukai sekarang  
Tahun Taksiran 1997

Kumpulan berpendapatan cukai (RM)	Kadar cukai		Jumlah cukai
		RM	
1 - 2,000	0% di atas yang pertama	2,500	0
2,501 - 5,000	2% di atas yang berikut Di atas yang pertama	<u>2,500</u> 5,000	<u>50</u> 50
5,001 - 10,000	4% di atas yang berikut Di atas yang pertama	<u>5,000</u> 10,000	<u>200</u> 250
10,001 - 20,000	6% di atas yang berikut Di atas yang pertama	<u>10,000</u> 20,000	<u>600</u> 850
20,001 - 35,000	10% di atas yang berikut Di atas yang pertama	<u>15,000</u> 35,000	<u>1,500</u> 2,350
35,001 - 50,000	16% di atas yang berikut Di atas yang pertama	<u>15,000</u> 50,000	<u>2,400</u> 4,750
50,001 - 70,000	21% di atas yang berikut Di atas yang pertama	<u>20,000</u> 70,000	<u>4,200</u> 8,950
70,001 - 100,000	26% di atas yang berikut Di atas yang pertama	<u>30,000</u> 100,000	<u>7,800</u> 16,750
100,001 - 150,000	29% di atas yang berikut Di atas yang pertama	<u>50,000</u> 150,000	<u>14,500</u> 31,250
Melebihi 150,000	30%		

---ooo000ooo---